



27 SEP, 2023

66 kaki judi dicekup dalam Op Dadu

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Polis gempur 56 premis jalankan perjudian online, loteri haram di seluruh Johor

66 kaki judi dicekup dalam Op Dadu

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

JOHOR BAHRU – Polis Johor menggempur 56 premis di negeri ini yang menjalankan kegiatan judi dalam talian dan loteri haram sepanjang Op Dadu Khas sejak Jumaat lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, sepanjang tempoh itu, seramai 66 individu telah ditahan terdiri daripada 55 lelaki dan 11 wanita dengan 58 daripadanya merupakan warga tempatan.

"Kesemua yang ditahan berusia antara 19 sehingga 66 tahun dan polis turut merampas 67 unit telefon bimbit pelbagai jenama, 23 mesin pencetak dan wang tunai berjumlah RM9,641.

"Semua premis yang diserbu sedang dalam proses pembatalan lesen dan pemotongan bekalan elektrik. Kita hanya menunggu kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan **Tenaga Nasional Berhad (TNB),**" katanya dalam kenyataan di sini

semalam.

Jelas Kamarul, dalam serbuan terbaharu kelmarin, pihaknya telah menahan seramai 12 individu menerusi tujuh serbuan berasingan.

Katanya, antara yang ditahan ialah tujuh lelaki tempatan, dua lelaki warga asing dan tiga wanita warga asing masing-masing berusia antara 20 hingga 60 tahun.

"Kesemua tangkapan dibawa ke mahkamah untuk permohonan tahanan reman bagi membantu siasatan dibuat mengikut Seksyen 4(A)(a) dan 4B(b) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

"Operasi ini bertujuan membanteras kegiatan judi haram selain meningkatkan keyakinan kepada masyarakat dengan usaha-usaha dilaksanakan polis.

"Sehubungan itu, orang awam yang mempunyai maklumat berkaitan kegiatan tersebut boleh menghubungi bilik gerakan polis Johor menerusi talian **07-221 2999** atau **07-225 4677,**" jelasnya.



ANTARA premis yang digempur polis dalam Op Dadu Khas bagi membendung kegiatan judi online dan loteri haram di seluruh negeri Johor sejak Jumaat lalu.